

25 AUG 1998

Sabbaruddin-Undi

KAJIAN UNDI BONUS MUNGKIN KE PERHIMPUNAN AGUNG UMNO TAHUN DEPAN

PULAU PINANG, 25 Ogos (Bernama) -- Kajian mengenai sistem undi bonus kepada calon jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno mungkin sempat untuk dibawa ke perhimpunan agung Umno tahun depan, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini.

Katanya, Jawatankuasa Mengkaji Perlembagaan parti yang diketuainya sedang membuat kajian menyeluruh mengenai sistem itu sebelum mengemukakan hasilnya kepada Majlis Tertinggi (MT) dan seterusnya ke Perhimpunan Agung, yang merupakan badan tertinggi meluluskan saranan jawatankuasa berkenaan.

"Insya-Allah, ia (sistem undi bonus itu) akan dibawa ke Perhimpunan Agung Tahunan tahun depan," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyaksikan raptai pertama perbarisan Hari Kebangsaan ke-41 di sini.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata, perkara itu telah lama difikirkan dan dibincang di kalangan Umno.

Rabu lepas, beliau telah dilaporkan berkata bahawa Umno sedang mengkaji sistem undi bonus itu, yang memberi 10 undi kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden di peringkat bahagian, kepada sistem yang lebih berkesan untuk membanteras gejala politik wang sehingga ke akar umbi.

Sabbaruddin berkata, Jawatankuasa Politik parti yang diketuai oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah menimbulkan perkara itu sekali dalam mesyuaratnya ketika meneliti perlembagaan parti secara keseluruhan.

Beliau juga menolak andaian sesetengah pihak kononnya terdapat pergolakan di dalam Umno yang merupakan parti tulang belakang Barisan Nasional (BN) itu.

"Tiada apa-apa masalah (pergolakan) di dalam Umno," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Naib Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengingatkan anggota parti supaya mengekalkan perpaduan dengan berpegang teguh kepada prinsip sebuah parti hanya mempunyai "seorang jeneral."

"Di mana-manapun begitu...memang satu (ketua)," katanya.

Mengenai persiapan pilihan raya, beliau berkata, Umno sentiasa bersedia untuk menghadapinya.

-- BERNAMA

AHM NMO